

Makna Siratan Bahasa Figuratif dalam Cerpen Pilihan Karya A. Samad Said

The Meaning of Figurative Language in Selected Short Stories by A. Samad Said

Nur Yusra Nabihah Baharuddin
¹Siti Noraini Hamzah

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponden e-mail: ¹snoraini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Bahasa figuratif merupakan gaya bahasa tersirat yang menjadi sebahagian daripada ilmu sastera dan linguistik. Gaya bahasa ini digunakan dalam karya kreatif dan bukan kreatif. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan bahasa dalam karya kreatif iaitu cerpen. Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini iaitu mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dan menganalisis makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen karya A. Samad Said menggunakan teori relevans. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif menggunakan kajian kepustakaan dan analisis teks. Cerpen "Dosa Pejuang" karya A. Samad Said sebagai data kajian. Data dianalisis menggunakan teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan 1995. Teori Relevans merupakan pendekatan yang menitikberatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses dalam memahami makna ujaran. Bahasa figuratif difokuskan kepada personifikasi, metafora, simile dan hiperbola. Hasil kajian menunjukkan bahawa teori relevans berjaya merungkaikan makna sebenar penggunaan bahasa figuratif dalam cerpen "Dosa Pejuang". Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa bahasa figuratif memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej kepada pembaca dengan berkesan.

Kata Kunci: bahasa figuratif, cerpen, teori Relevans, gaya bahasa, karya kreatif

ABSTRACT

Figurative language is a language style that implies meanings and is part of literature and linguistic studies. This language style is used in both creative and non-creative works. This study focuses on the use of language in creative works, specifically short stories. There are two main objectives: to identify the use of figurative language and to analyze the true meaning of figurative language in the short story by A. Samad Said using Relevance theory. The methodology used is a qualitative approach using literature review and text analysis. The short story "Dosa Pejuang" by A. Samad Said serves as the research data. Data is

analyzed using the Relevance theory developed by Sperber and Wilson in 1986 and 1995. The Relevance theory emphasizes context, the effects of context (cognitive), and the effort in processing to understand the meaning of speech. Figurative language focuses on personification, metaphor, simile and hyperbole. The study results show that Relevance theory successfully unravels the true meaning of the use of figurative language in the short story "Dosa Pejuang". This study highlights the importance of figurative language in effective communication.

Keywords: *figurative language, short stories, Relevance theory, language style, creative works*

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat perhubungan terpenting dalam kehidupan manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Manusia tidak dapat berhubung dan menyampaikan sesuatu perkara tanpa penggunaan bahasa sama ada lisan ataupun bukan lisan. Menurut Ajid Che Kob (1984), bahasa merupakan alat yang paling penting dan kerap digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Bahasa adalah satu cara untuk manusia berkomunikasi dalam menyampaikan idea, emosi dan kehendak mereka. Menurut Nik Safiah Karim (1992), berpendapat bahawa bahasa merupakan satu lambang pertuturan arbitrari yang digunakan untuk berhubung. Alat-alat ujaran membolehkan manusia untuk berbahasa namun, bahasa perlu dipelajari dan dikuasai bagi memenuhi keperluan sosial dalam kehidupan.

Penggunaan kata serta bahasa yang baik dan tersirat memainkan peranan penting dalam sistem perhubungan sosial. Pentafsiran terhadap kata dan bahasa tersirat perlulah betul supaya maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami oleh pendengar untuk mengatasi masalah perselisihan faham. Penggunaan bahasa tersirat membolehkan kita menyampaikan maklumat dengan lebih mendalam dan kompleks. Hal ini bermakna kita boleh menyampaikan mesej yang lebih kaya dengan menggunakan kiasan, metafora atau sindiran yang mengandungi makna tambahan iaitu bukan secara harfiahnya. Walaupun memerlukan pentafsiran tambahan, penggunaan bahasa tersirat dapat membawa kefahaman yang lebih dalam dan memperkaya komunikasi antara individu.

Akal budi orang Melayu telah menjadikan mereka berbudi bahasa dalam setiap tutur penuhi dengan ungkapan kiasan. Bahasa figuratif sering digunakan dalam karya sastera terutamanya dalam novel, cerpen dan puisi bagi menggambarkan sesuatu perkara dengan lebih berkesan kepada pembaca. Sasterawan negara iaitu A. Samad Said juga banyak menggunakan bahasa figuratif dalam karya-karya beliau untuk memberi kesan yang menarik dalam penulisannya. Penguasaan bahasa figuratif yang baik dapat menjadikan karya sastera dengan makna tersirat yang memerlukan pembaca untuk meneliti dan berfikir. Penggunaan bahasa figuratif turut memaparkan keindahan dan kehalusan bahasa melalui karya penulisan.

Bahasa merupakan medium utama dalam karya sastera seperti cerpen dan novel mempunyai pelbagai penggunaan gaya bahasa yang digunakan pengarang. Gaya bahasa yang digunakan adalah tersendiri berdasarkan seseorang pengarang untuk menyampaikan buah fikiran, ideologi dan sebagainya. Menurut Vijaya (2006), menyatakan bahawa gaya bahasa merupakan kaedah yang dapat membantu pengarang untuk menyampaikan buah fikiran bagi menonjolkan peribadinya.

Bahasa figuratif merupakan elemen dalam gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk

memberikan kesan yang menarik dan mendalam terhadap penulisan sesebuah karya.

Gaya bahasa figuratif memberikan kesan makna tersirat yang memerlukan tafsiran yang tepat supaya tidak mendatangkan kesalahan penyampaian idea daripada pengarang. Kajian berkaitan makna siratan bahasa figuratif perlulah dikaji berdasarkan bidang linguistik dalam aspek semantik. Semantik diperlukan dalam analisis kajian ini untuk melihat makna siratan bahasa figuratif yang digunakan dengan tepat dan terperinci. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengisi kelomongan kajian terhadap makna siratan bahasa figuratif dalam cerpen. Pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dan menganalisis makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen karya A. Samad Said (2005) menggunakan teori Relevans.

2. Tinjauan Literatur

2.1 *Kajian Berkaitan dengan Bahasa Figuratif.*

Kajian lepas yang berkaitan dengan bahasa figuratif telah dijalankan oleh Siti Norashikin (2019) dalam kajian yang bertajuk Bahasa Figuratif dalam Novel Anwar Ridhwan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa figuratif dalam karya sastera. Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti jenis bahasa figuratif, menghuraikan makna tersurat dan tersirat bahasa figuratif serta menjelaskan fungsi bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Hasil kajian menemukan sebanyak 300 data bahasa figuratif dan Teori Relevans berjaya merungkaikan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Bahasa figuratif dalam novel ini bertujuan untuk menjelaskan, memperkuatkan dan menghidupkan objek mati tentang sesuatu keadaan yang sedang berlaku. Maka, bahasa figuratif merupakan kaedah, gaya bahasa dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan sesuatu perkara di dalam karyanya secara tersirat serta meningkatkan pemahaman pembaca mengenai sesuatu yang abstrak.

Kajian berkaitan dengan bahasa figuratif juga dilakukan oleh Nuur Hikma Natasha, Anida dan Mohd Sufian (2023) dalam kajian mereka yang bertajuk Analisis Gaya Bahasa Figuratif dalam Novel Bimasakti Menari Teks Komponen Kesusteraan Bahasa Melayu Tingkatan Lima. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, mengkategorikan serta menganalisis peratusan kekerapan setiap jenis gaya bahasa figuratif berdasarkan kategori Mildred L. Larson (1984) iaitu hiperbola, metonimi, metafora, onomatopoeia, personifikasi dan simile. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis teks terhadap keseluruhan novel tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 106 data gaya bahasa figuratif ditemui dengan gaya bahasa simile (31%) paling kerap digunakan, diikuti onomatopoeia (22.6%), hiperbola (18.9%), personifikasi (18%), metafora (8.5%) dan metonimi (1%). Kajian ini menyumbang kepada penguasaan gaya bahasa figuratif bagi guru dan pelajar dalam pembelajaran karya sastera

serta memberikan perhatian kepada kepelbagaian gaya bahasa figuratif. kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan gaya bahasa figuratif yang pelbagai dapat membantu menyampaikan mesej dan maksud tersirat dalam karya sastera dengan lebih berkesan kepada pembaca.

Kajian lepas yang berkaitan dengan bahasa figuratif juga dijalankan oleh Muhammad Diki Lesmana, Imam Safi'i dan Nini Ibrahim (2023) iaitu kajian tentang Eksplorasi Bentuk-bentuk Bahasa Figuratif kajian ini mengkaji jenis bahasa figuratif yang terdapat dalam puisi Penyair Midas yang ditulis oleh Nanang Suryadi dalam Dimensi Estetika pada Kumpulan Puisi Penyair Midas Karya Nanang Suryadi. menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis deskriptif. Data dikumpulkan dengan meneliti dan menganalisis bahasa figuratif seperti metafora, personifikasi, sinekdot, metonimi dan simile yang terdapat dalam puisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa figuratif dalam kumpulan puisi tersebut sangat pelbagai dan mempunyai makna tersirat yang sangat mendalam sama ada berkaitan dengan diri sendiri, sesama manusia ataupun alam. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang penggunaan bahasa figuratif dalam karya sastera dan maknanya yang mendalam. Kajian ini juga menyumbang kepada pengiktirafan kepada karya sastera yang telah ditulis.

2.2 *Kajian Berkaitan dengan Cerpen*

Elavarassan dan Nordiana (2021) telah melakukan kajian yang bertajuk Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam Teks Cerpen Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Kajian ini memfokuskan pada aspek penjanaan minda dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen yang dapat menjana minda dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dan menganalisis kerelevan teknologi cerpen moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunitif tingkatan empat dan lima menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepada. Data kualitatif kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan. Tiga aspek daripada Teori Sistem Pemikiran Bersepada digunakan untuk mengkaji kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan teks-teks cerpen Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Pemikiran kebitaraan dalam elemen menjana minda banyak diterapkan dalam teks cerpen berbanding pemikiran saintifik dan kreatif. Hasil kajian menunjukkan empat daripada sepuluh cerpen yang dikaji mengandungi ketiga-tiga aspek pemikiran yang membuktikan kerelevan karya-karya ini untuk menjana minda.

Penyelidikan lain yang memberi fokus terhadap cerpen adalah kajian yang dilaksanakan oleh Hashim (2022) bertajuk Al-Ihsan dalam Kumpulan Cerpen Yunda. Kajian ini mengkaji unsur-unsur al-Ihsan atau konsep berbuat baik dengan kesedaran akan kehadiran Allah dalam kumpulan cerpen karya Juri Durabi yang bergelar Yunda. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti

unsur-unsur al-Ihsan dalam karya kreatif tersebut serta menganalisis sejauh mana konsep al-Ihsan terpapar, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui strategi naratif pengarang. Pendekatan deskriptif dan analisis kandungan digunakan dalam kajian yang dijalankan bagi mendapatkan dapatan yang menyeluruh. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan menganalisis takrif al-Ihsan dan melihat kaedah strategi naratif dalam menyampaikan mesej. Dapatkan kajian mendapati pengarang Juri Durabi banyak mengaplikasikan ciri perwatakan yang menonjolkan kesan-kesan akhlak al-Ihsan secara jelas dan sedar dalam cerpen yang dikaji. Penyampaian akhlak al-Ihsan yang meletakkan prinsip "Allah Melihat dan Mengetahui apa yang makhluk-Nya lakukan" dilandaskan atas prinsip keimanan sebagai seorang Muslim. Konsep ini sering diselitkan dalam strategi naratif pengarang melalui pemaparan watak, peristiwa dan penceritaan.

Terdapat kajian berkaitan cerpen yang juga dilaksanakan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2023) yang bertajuk Kaedah Adaptasi Sastera pada Filem: Satu Kajian Perbandingan antara Cerpen Amerika ‘Barn Burning’ dengan Filem Melayu “Kaki Bakar”. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kaedah adaptasi yang digunakan pengarah filem dan penulis lakon layar dalam mentransformasikan cerpen ‘Barn Burning’ kepada filem “Kaki Bakar”. Kaedah penyelidikan secara kualitatif deskriptif digunakan untuk membandingkan cerpen dengan filem berpandukan teori adaptasi sastera. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengarah filem mengambil hampir keseluruhan naratif yang terdapat dalam cerpen dan melakukan pengubahsuai mengikut keperluan dalam menghasilkan filem adaptasi “Kaki Bakar”. Kajian menunjukkan terdapat bahagian yang ditambah, dibuang, dikekalkan dan diubahsuai oleh pengarah mengikut teori adaptasi sastera Desmond dan Hawkes (2006) untuk membandingkan cerpen dan filem. Kajian ini telah membuktikan bahawa filem adaptasi daripada cerpen juga dapat dihasilkan dengan baik.

2.3 *Kajian Berkaitan dengan Teori Relevans*

Julaina dan Nur Maizatul Maisarah (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk Makna Ujaran Implisit dalam Vlog Mat Luthfi: Analisis Teori Relevans. Kajian ini memfokuskan kepada penelitian terhadap makna ujaran implisit yang terdapat dalam vlog Mat Luthfi. Teori relevan dalam bidang linguistik disiplin pragmatik yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson digunakan sebagai asas untuk kajian ini. Data kajian terdiri daripada dialog yang mengandungi unsur implisit yang diujarkan oleh watak dalam beberapa video Mat Luthfi. Data ini telah dikenal pasti melalui proses transkripsi dan dianalisis berdasarkan teori Relevans. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk menerokai lebih lanjut tentang ujaran implisit dan teori Relevans. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sepuluh ujaran dalam vlog yang mengandungi unsur implisit. Ujaran ini menunjukkan bahawa penutur mempunyai mesej tertentu yang ingin disampaikan kepada pendengar. Kajian ini menjelaskan bahawa ujaran yang diperkatakan oleh masyarakat

Melayu boleh membawa pelbagai maksud dan bukan sekadar makna literal untuk difahami dan ditafsirkan dengan betul. Penggunaan teori Relevans dalam kajian memudahkan interpretasi makna sesebuah ujaran.

Kajian berkaitan teori relevans turut dijalankan oleh Maizura dan Nor Hashimah (2020) yang bertajuk Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang melalui Metafora: Analisis Teori Relevans. Kajian ini membahaskan makna metafora yang disampaikan oleh pengarang Melayu tradisional melalui kisah mitos kegagahan Badang. Analisis kajian dilakukan menggunakan pendekatan teori Relevans (TR) iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS) dan konsep ad hoc. Data dalam kajian ini diambil daripada teks Sulalat al-Salatin (1997). Teori Relevans (TR) digunakan untuk menganalisis makna metafora yang terkandung dalam mitos kegagahan Badang. Dalam analisis ini, TR menunjukkan bahawa makna tersirat dalam metafora dapat memberikan wawasan tentang tujuan pengabsahan. Metafora mitos Kegagahan Badang mengesahkan kedudukan raja-raja Melayu dan asal usul keturunan mereka. TR juga membantu mengurai lapisan makna dalam mitos kegagahan Badang dan mengungkap pesan yang ingin disampaikan oleh pengarang Melayu tradisional. Pengarang Melayu tradisional memanfaatkan metafora ini untuk mengukuhkan identiti budaya dan kedaulatan suatu masyarakat atau kerajaan.

Monica Liaw Kah Pei dan Mary Fatimah (2018) menjalankan kajian yang bertajuk Semangat Patriotik Masyarakat Cina: Analisis Teori Relevans. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji semangat patriotik dalam kalangan masyarakat Cina melalui sajak Melayu. Dalam kajian ini, penulis menggunakan Teori Relevans (TR) sebagai kerangka teoretikal. Penelitian ini berfokus pada semangat patriotik masyarakat Cina dengan menganalisis tiga sajak karya Lim Swee Tin. Melalui analisis menggunakan TR, pengkaji juga mengenal pasti maklumat terselindung di sebalik baris-baris sajak. Pengkaji kajian ini menekankan bahawa pengaplikasian teori relevans dapat menghasilkan interpretasi yang lebih teoretikal, bersifat ilmiah dan sah kesahihannya. Hasil analisis menunjukkan bahawa penggunaan TR untuk mengenal pasti nilai patriotik dalam sajak dapat mengupas data dengan lebih menyeluruh untuk mendapatkan kerelevan yang optimum.

3. Metodologi Kajian

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan cara yang sistematik yang diperlukan untuk mendapatkan data. Kaedah ini dilakukan berdasarkan pendekatan kualitatif menggunakan analisis dokumen atau teks dan kajian kepustakaan. Data utama kajian ini ialah cerpen “Dosa Pejuang” karya oleh A. Samad Said (2005). Data utama ini diambil daripada buku himpunan cerpen karya Sasterawan Negara, Dato’ A. Samad Said yang bertajuk Tasik syahdu dan Cerpen-Cerpen Lain. Pengkaji telah memfokuskan terhadap pengumpulan data yang berkaitan dengan bahasa figuratif metafora, personifikasi, simile dan hiperbola sahaja dalam cerpen tersebut.

3.1.1 *Kaedah Analisis Dokumen*

Kaedah analisis dokumen digunakan dalam proses pengumpulan data kajian. Kaedah analisis dokumen berkait rapat dengan kajian kualitatif yang perlu meneliti dari teks kepada teks lain untuk mencapai objektif kajian. Dokumen yang berkaitan dengan kajian dipilih dan diteliti sebagai proses menganalisis dokumen tersebut untuk data kajian. Kaedah ini memerlukan bacaan yang mendalam terhadap bahan teks. Data daripada analisis dokumen dapat diperoleh dengan mudah dan mempunyai kebolehpercayaan kerana telah diterbitkan. Dokumen seperti buku, artikel dan jurnal boleh dijadikan serta dianalisis untuk mendapatkan data kajian. Dalam kajian ini, cerpen "Dosa Pejuang" karya A. Samad Said dari buku "Tasik Syahdu dan Cerpen-Cerpen Lain" digunakan untuk mengumpul data berkaitan bahasa figuratif. Kaedah ini sangat sesuai untuk kajian kualitatif.

3.1.2 *Kaedah Kepustakaan*

Kaedah kepustakaan juga digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data kajian. Kaedah ini dikenali sebagai tinjauan pustaka atau *literature review*. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian bagi memperoleh data melalui penelitian terhadap dokumen atau penulisan yang sedia ada. Kaedah ini membantu proses pengumpulan data dan mendapatkan maklumat tambahan untuk memperkuuhkan kajian. Menurut Mouly (1970), kaedah kepustakaan adalah cara yang paling berkesan kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat, tepat dan sahih dengan mencari maklumat umum mengenai kata kunci kajian. Bahasa figuratif, cerpen, teori relevans, gaya bahasa dan karya kreatif adalah kata kunci yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji mengunjungi perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dan Perpustakaan Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik untuk mendapatkan maklumat yang relevan.

Rujukan kepada artikel dan kajian terdahulu membantu memahami pendekatan, metodologi dan dapatan dalam bidang tersebut, serta memastikan kajian konsisten dengan perkembangan terkini. Data yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu digunakan sebagai rujukan untuk kajian baru. Pandangan yang lebih mendalam dan terperinci daripada kajian yang telah dilakukan sebelum ini dapat membantu untuk menyokong dapatan kajian. Pencarian maklumat di *Internet* dilakukan secara selektif dengan hanya memilih kajian yang berkaitan sahaja. Maklumat lain seperti konsep dan definisi juga dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan sebagai nilai tambah dalam kajian yang dijalankan. Melalui penelitian dokumen di perpustakaan, analisis kajian lepas dan pencarian bahan di *internet*, pengkaji dapat mengukuhkan hasil kajian dengan data yang sah serta terkini.

3.2 *Analisis Data*

Analisis data merupakan kaedah penting bagi setiap kajian yang dijalankan bagi mendapatkan hasil kajian yang relevan. Analisis data bermaksud penghuraian terhadap sesuatu data yang telah dikumpulkan berdasarkan objektif kajian. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif yang menganalisis teks atau dokumen untuk mendapatkan data kajian. Data berkaitan dengan bahasa figuratif sahaja yang dianalisis oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dan menganalisis makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen karya A. Samad Said (2005) menggunakan teori Relevans (TR).

Objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dalam cerpen karya A. Samad Said (2005). Bagi mencapai objektif ini, pengkaji melakukan penelitian terhadap cerpen tersebut dan mengumpulkan semua bahasa figuratif yang berkaitan dengan kajian. Bahasa figuratif seperti personifikasi, metafora, simile dan hiperbola sahaja yang diambil untuk dianalisis. Setiap bahasa figuratif dianalisis berdasarkan jenis atau kategori yang sepatutnya.

Objektif kedua kajian ini adalah menganalisis makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen karya A. Samad Said (2005) menggunakan teori Relevans (TR). Bagi mencapai objektif ini, pengkaji akan menganalisis bahasa figuratif dalam cerpen tersebut menggunakan tiga elemen utama teori relevans iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Sperber dan Wilson dalam buku "Meaning and Relevance" (2012) menyatakan bahawa setiap ungkapan dan kata yang digunakan jarang menyampaikan makna sebenar secara langsung sebaliknya, konteks memainkan peranan penting dalam pentafsiran makna tersebut. Konteks ini membolehkan pelbagai interpretasi terhadap makna yang hendak disampaikan. Pendengar atau pembaca mesti menggunakan konteks untuk membuat kesimpulan tentang apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh penyampai.

Teori Relevans (TR) ini diasaskan berdasarkan pandangan umum teori kognitif yang menekankan bahawa kognisi manusia bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang paling relevan. Dalam konteks teori ini, relevans merujuk kepada maklumat yang memberikan manfaat yang paling besar dengan kos pemprosesan yang paling minimum. Bahasa figuratif yang dianalisis oleh pengkaji ialah seperti personifikasi, metafora, simile dan hiperbola dalam cerpen pilihan karya A. Samad Said. Makna siratan bagi setiap bahasa figuratif yang dipilih dianalisis untuk mengetahui makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Analisis ini menggunakan teori Relevans untuk mendapatkan hasil yang menyeluruh dalam mengetahui makna sebenar sesuatu ujaran.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dalam cerpen pilihan karya A. Samad Said.

4.1.1 *Metafora*

Metafora merupakan suatu bentuk perbandingan yang dinyatakan secara terus dan implisit bertujuan untuk menjelaskan, menghuraikan atau menerangkan sesuatu perkara yang asing. Menurut Za'ba (2003) pula, metafora merupakan peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan mempunyai makna dua lapis. Secara umumnya, metafora merujuk kepada pemakaian kata-kata yang menyatakan makna lain daripada makna sebenar sebagai perbandingan serta kiasan.

JADUAL 1: Data Bahasa Figuratif Metafora

Bil.	Unsur Metafora
1.	Tin buruk
2.	Kilat yang tiba-tiba benderang
3.	Guruh yang amat tajam
4.	Lelaki berusia 60-an biasanya sudah luntur
5.	anak tangga
6.	Daripada keras, Kariman melentur
7.	Wilayah kenangan
8.	Kuasa ubat
9.	Demberangan bom
10.	Suatu malam gelap
11.	Tikus menggelerah
12.	Kucing putih itu duduk tenang mengenyit-ngenyit
13.	Kerlipan kilat
14.	Lenggang api pelita
15.	Kilat dan guruh yang menyentak dan menajam
16.	Sergahan kilat
17.	Kau tak tercium bahaya
18.	Kersik tapak kaki manusia
19.	Cekal dengan kapaknya
20.	Memperkenalkan dehemnya
21.	Sergahan bom Bristish
22.	Malam yang genting itu
23.	Bunyi cengkerik mula keras
24.	Menghidupkan semula dapur
25.	Asapnya bertunda deras

4.1.2 Personifikasi

Personifikasi merupakan satu bentuk kiasan yang memberikan sifat manusia kepada sesuatu benda atau binatang yang biasanya menggunakan kata ganti nama diri orang ketiga untuk merujuk perkara-perkara bukan manusia.

JADUAL 2: Data Bahasa Figuratif Personifikasi

Bil.	Unsur Personifikasi
1.	Guruh yang berekoran menjerit
2.	Langit senja sungguh lelah
3.	Susunan akhbar lama, sesekali tergigil
4.	Resah dijentik angin
5.	Cerek comel
6.	Siulan shell
7.	Siulan shell yang saling bersaing
8.	Malaya garang, cekal dan menggugat
9.	Suara hati nurani
10.	Guruh lebih berang
11.	Bunyi deru bom semakin garang
12.	Suasana panas tuduh menuduh

-
13. Perjuangan bangsa kita masih terlalu muda
-

4.1.3 Simile

Simile merupakan bahasa figuratif yang menjelaskan perbandingan dengan jelas. Simile adalah bentuk gramatis yang mewakili dua bahagian sesuatu ayat itu di mana satu bahagian mengandungi topik dan satu bahagian lagi mengandungi komen terhadap topik. Menurut Hamidah Wahab (2012), walaupun simile membuat perbandingan sama seperti metafora, namun mempunyai sedikit perbezaan dengan penggunaan leksikal seperti, bagi, dan bak.

JADUAL 3: Data Bahasa Figuratif Simile

Bil.	Unsur Simile
1.	Orang tua itu sihat sebagai tugu

4.1.4 Hiperbola

Hiperbola merupakan bahasa figuratif yang bermaksud ditambah-tambahkan dengan sengaja oleh penulis terhadap sesuatu ayat atau pengucapan bertujuan untuk menimbulkan kesan secara melampau. Dalam karya sastera, penggunaan hiperbola bertujuan untuk memberikan interpretasi yang lebih mendalam dan makna siratannya membolehkan pembaca merasakan emosi serta memahami dengan berkesan. Hiperbola dapat membantu pembaca memahami perasaan atau makna yang ingin disampaikan oleh pengarang dengan membesar-besarkan sesuatu perkara dengan lebih efektif dan menarik perhatian.

JADUAL 4: Data Bahasa Figuratif Hiperbola

Bil.	Unsur Hiperbola
1.	Tenggelam dalam khayalan tertentu
2.	Kekalutan lama tentunya yang lebih banyak memenjarakannya
3.	Rumah itu bergegar
4.	Gegaran bom
5.	Pertanyaan ini lebih bergema dalam kepala
6.	Menapis rengekan atau tangisan suara itu
7.	Dihujani bom
8.	Banyak penderhakaan dalam perjuangan bangsa
9.	Rahsia derita batin

4.2 Analisis Makna Linguistik dan Makna Sebenar Bahasa Figuratif yang Terdapat dalam Cerpen Pilihan Berdasarkan Teori Relevans (TR).

Merujuk kepada dapatan sebelum ini, terdapat banyak bahasa figuratif yang digunakan dalam penulisan cerpen oleh A. Samad Said. Bahagian ini akan menghuraikan tentang makna linguistik atau harfiah bahasa figuratif berdasarkan kamus yang dipilih. Makna linguistik tidak memberikan makna sebenar bahasa figuratif berdasarkan konteks penggunaannya. Maka, pengkaji turut melakukan analisis menggunakan teori Relevans untuk mengetahui makna sebenar bahasa figuratif. Teori Relevans digunakan untuk menginterpretasi makna dengan menyeluruh dan tepat. Hanya satu dan dua sahaja data yang diambil daripada keseluruhan data yang dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan teori Relevans dalam bahagian ini. Data yang dipilih akan dihuraikan di bawah berdasarkan jenis bahasa figuratif.

Data bahasa figuratif yang dianalisis menggunakan teori Relevans dapat difahami oleh pembaca setelah menukar kod, membuat inferens dan menentukan andaian mengikut teori. Hal ini dapat mengembangkan konteks pemula sebelumnya. Setelah konteks dikenal pasti, proses interpretasi akan mudah dilakukan dengan melihat ujaran terdahulu dan selepasnya. Melalui penelitian terhadap ujaran sebelum dan selepas, konteks yang betul dapat diketahui untuk memberikan interpretasi yang terbaik. Berdasarkan teori Relevans, penelitian terhadap ujaran terdahulu dan selepasnya dapat membantu proses penginterpretasian makna dengan lebih mudah. Setiap proses dalam teori ini dapat digunakan untuk memberikan kesan kognitif yang optimum supaya usaha memproses ujaran mencapai relevan tertinggi. Kesan konteks merupakan andaian awal yang terdapat pada pendengar atau pembaca yang tersimpan dalam leksikon masing-masing. Oleh itu, proses tersebut dapat dilaksanakan apabila pembaca mempunyai andaian yang berfungsi sebagai rangsangan untuk memahami makna sebenar yang hendak disampaikan.

4.2.1 Metafora

JADUAL 5: Makna Linguistik Data Unsur Metafora

Bil	Unsur Metafora	Makna Linguistik
1.	wilayah kenangan	wilayah - daerah, kawasan, negeri; kenangan - apa yang dikenangkan atau yang timbul (terbayang) dalam ingatan
2.	kuasa ubat	kuasa - daya atau keupayaan; ubat - benda yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit

Makna linguistik juga dikenali sebagai makna harfiah atau literal. Merujuk jadual 5, dua

unsur metafora yang terdapat dalam cerpen diambil untuk menjelaskan makna linguistik berdasarkan Kamus Dewan (2005). Kedua-dua data yang dianalisis menunjukkan makna secara harfiah yang tidak berkaitan dengan konteks penggunaan. Bahasa figuratif mempunyai makna tersirat menyebabkan analisis makna linguistik sahaja tidak cukup untuk mengetahui makna sebenar yang ingin disampaikan. Interpretasi yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengetahui makna sebenar BF berdasarkan konteks penggunaannya. Pengkaji menggunakan TR untuk menganalisis kedua-dua data metafora untuk mengetahui makna sebenar BF tersebut.

JADUAL 6: Analisis Teori Relevans bagi Data “wilayah kenangan”

DATA (1): wilayah kenangan		
KOD	INFERENS	ANDAIAN
wilayah	ingatan	<ol style="list-style-type: none">1. sebahagian ingatan2. ingatan yang mempunyai had batasan3. bahagian fikiran yang mengingatkan sesuatu yang lama4. tempat dalam fikiran di mana seseorang menyimpan dan menghidupkan kembali kenangan masa lalu

Berdasarkan jadual 6, data (1) “wilayah kenangan” membawa maksud kawasan dan ingatan iaitu gabungan antara objek nyata dengan tidak nyata menunjukkan unsur metafora digunakan. Mengikut konteks ujaran sebelum dan selepasnya iaitu “dia cuma perahsia” dan “Kariman yang tidak sengaja terbuka” dapat membantu dalam mengenali konteks yang betul untuk bahasa figuratif ini. Andaian pertama yang diberikan adalah sebahagian ingatan dan andaian keempat iaitu tempat dalam fikiran di mana seseorang menyimpan dan menghidupkan kembali kenangan masa lalu. Mengikut andaian yang dilakukan serta konteks berdasarkan ayat sebelum dan selepasnya, andaian keempat menunjukkan makna yang tepat bagi data tersebut.

Kesan konteks pula dapat dikesan apabila proses penggabungan dan penguatan maklumat daripada pemahaman terhadap makna siratan figuratif. Usaha memproses adalah rendah walaupun agak sukar untuk ditafsirkan namun dengan pengalaman, maklumat dan andaian yang dibekalkan memudahkan proses interpretasi makna sebenar. Unsur metafora ini menggambarkan bahawa tempat dalam fikiran di mana seseorang menyimpan dan menghidupkan kembali kenangan masa lalu. Ruang mental di mana pengalaman-pengalaman yang bermakna dan berharga dari masa lalu disimpan serta diingati, memungkinkan individu untuk merenung, merasakan nostalgia dan memahami perjalanan hidup mereka.

JADUAL 7: Analisis Teori Relevans bagi Data “kuasa ubat”

DATA (2): kuasa ubat

KOD	INFERENS	ANDAIAN
kuasa	menyembuhkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. keupayaan untuk menyembuhkan 2. melegakan kesakitan 3. mengawal kesakitan 4. boleh menghilangkan rasa sakit

Berdasarkan jadual 7, data (2) “kuasa ubat” membawa maksud keupayaan dan bahan yang menyembuhkan iaitu gabungan antara objek nyata dengan tidak nyata yang menggambarkan unsur metafora. Mengikut konteks ujaran sebelum dan selepasnya iaitu “sebiji aspero biasanya menolong” dan “kerana kecekalan mentalnya sendiri” dapat membantu dalam mengenali konteks yang sebenar untuk memahami bahasa figuratif ini. Andaian pertama yang diberikan adalah keupayaan untuk menyembuhkan dan andaian kedua, melegakan kesakitan. Mengikut andaian yang dilakukan serta konteks berdasarkan ayat sebelum dan selepasnya, andaian pertama menunjukkan makna yang tepat bagi data tersebut.

Maklumat konteks yang dibekalkan dapat membantu kesan konteks diproses dengan baik melalui penggabungan dan kesinambungan ayat. Usaha memproses adalah rendah kerana konteks dan kesan konteks dapat diperoleh dengan mudah melalui penelitian serta pemahaman yang baik. Penggunaan unsur metafora ini menunjukkan bahawa bahan tersebut boleh menghilangkan rasa sakit dengan berkesan berdasarkan konteks penggunaannya dalam cerpen.

4.2.2 Personifikasi

JADUAL 8: Makna Linguistik Data Unsur Personifikasi

Bil	Unsur Personifikasi	Makna Linguistik
1.	guruh yang berekoran menjerit	guruh - bunyi bising di langit dihasilkan oleh kilat; berekoran - perkembangan daripada sesuatu peristiwa; menjerit - berteriak kuat-kuat
2.	susunan akhbar lama, sesekali menggigil	susunan - timbunan bertindih-tindih; akhbar - berita, warta; lama - panjang masanya, memakan masa, dahulu; sesekali - kadang-kadang, ada kalanya; menggigil - mengeletar, gementar

Melihat pada jadual 8, dua unsur personifikasi yang digunakan dalam cerpen diambil untuk menjelaskan makna linguistik berdasarkan Kamus Dewan (2005). Kedua-dua data dianalisis pada peringkat awal menunjukkan makna secara harfiah sahaja. Makna linguistik mudah difahami secara literal, tetapi makna bahasa figuratif (BF) yang tersirat memerlukan interpretasi mendalam untuk memahami maksud sebenarnya. Pengkaji meneruskan analisis data personifikasi

menggunakan TR untuk mengetahui makna sebenar yang ingin disampaikan.

JADUAL 9: Analisis Teori Relevans bagi Data “guruh yang berekoran menjerit”

DATA (3): guruh yang berekoran menjerit		
KOD	INFERENS	ANDAIAN
menjerit	bunyi bising kilat	<ol style="list-style-type: none">1. bunyi bising di langit bersambung2. keadaan yang sangat bising3. bunyi yang sangat kuat dan berpanjangan4. bunyi yang menggemparkan

Jadual 9 menunjukkan bahawa, data (3) “guruh yang berekoran menjerit” menunjukkan unsur personifikasi digunakan dalam cerpen. Data (3) akan dianalisis menggunakan teori Relevans untuk mengetahui makna sebenar bahasa figuratif itu. Mengikut konteks penceritaan cerpen tersebut data (3) dapat diberikan andaian untuk proses interpretasi makna. Andaian pertama iaitu bunyi bising di langit bersambung dan andaian ketiga, bunyi yang sangat kuat dan berpanjangan. Berdasarkan andaian yang diberikan dan konteks penggunaannya, andaian ketiga menggambarkan makna yang sebenar serta tepat.

Maklumat konteks yang diperoleh membolehkan kesan konteks diproses melalui maklumat baharu yang menunjukkan keadaan atau suasana. Kesan konteks yang relevan mengikut andaian membantu dalam mentafsirkan makna siratan bahasa figuratif ini. Usaha memproses menjadi rendah dengan mengetahui konteks dan kesan konteks dengan menganalisis data menggunakan teori Relevans. Unsur personifikasi ini adalah relevan kerana makna siratannya dapat difahami melalui konteks, kesan konteks dan usaha memproses yang mudah menggambarkan bahawa bunyi yang sangat kuat dan berpanjangan di langit sedang berlaku.

JADUAL 10: Analisis Teori Relevans bagi Data “susunan akhbar lama, sesekali menggigil”

DATA (4): susunan akhbar lama, sesekali menggigil		
KOD	INFERENS	ANDAIAN
menggigil	bergerak-gerak	<ol style="list-style-type: none">1. akhbar lama bergerak-gerak dititiup angin2. seketika surat khabar bergoyang.3. surat khabar tersebut bergerak sedikit4. pergerakan kecil disebabkan angin

Berdasarkan Jadual 10, data 4 “susunan akhbar lama, sesekali menggigil” menunjukkan bahawa akhbar lama diberikan unsur manusia iaitu “tergigil” menyebabkan frasa tersebut dikategorikan sebagai bahasa figuratif personifikasi. Konteks bahasa figuratif ini dapat difahami apabila konteks ayat selepasnya dilihat iaitu “resah ditiup angin”. Melalui penelitian dan pemahaman terhadap ayat selepasnya, konteks dapat dikenal pasti. Andaian kedua untuk bahasa figuratif ini adalah seketika surat khabar bergoyang dan andaian keempat iaitu pergerakan kecil disebabkan angin.

Andaian yang terbaik berdasarkan konteks adalah andaian keempat yang membolehkan proses kesan kognitif dapat dilakukan dan berjaya. Melalui andaian yang dilakukan dan konteks, kesan kognitif berjaya diproses melalui penggabungan dan kesinambungan ayat untuk mendapatkan konteks dan andaian. Setelah konteks dan kesan kognitif dikenal pasti, usaha memproses menjadi mudah seterusnya menjadikan unsur personifikasi yang digunakan ini adalah relevan kerana makna siratannya dapat difahami oleh pembaca. Setelah dianalisis menggunakan teori Relevans, data (4) membawa makna pergerakan kecil disebabkan angin.

4.2.3 Simile

JADUAL 11: Makna Linguistik Data Unsur Simile

Bil	Unsur Simile	Makna Linguistik
1.	orang tua itu sihat sebagai tugu	orang - manusia; tua - sudah lama hidup, sudah lanjut usia; sihat - tidak kena sebarang penyakit; sebagai - bertindak seperti, selaku; tugu - tiang besar dan tinggi yang dibina daripada batu

Jadual 11 menunjukkan unsur simile daripada cerpen yang dijelaskan makna linguistiknya berdasarkan Kamus Dewan (2005). Analisis awal hanya menunjukkan makna harfiah, yang mudah difahami secara literal. Sebaliknya, makna tersirat bahasa figuratif memerlukan interpretasi yang mendalam. Pengkaji menggunakan Teori Relevans (TR) untuk memahami makna sebenar unsur simile tersebut.

JADUAL 12: Analisis Teori Relevans bagi Data “orang tua itu sihat dan tenang sebagai tugu”

DATA (5): orang tua itu sihat dan tenang sebagai tugu		
KOD	INFERENS	ANDAIAN

tugu	kuat dan teguh	<ol style="list-style-type: none"> 1. masih kuat, stabil dan tidak mudah goyah walaupun sudah berusia 2. orang tua yang banyak pengalaman hidup masih kuat 3. tidak goyah 4. banyak peristiwa yang dialami untuk diingati 5. masih gagah berdiri 6. tidak seperti usianya yang lanjut
------	----------------	---

Berdasarkan jadual 12, data (5) “orang tua itu sihat dan tenang sebagai tugu” membawa makna harfiahnya manusia berusia yang sihat dan tenang menjadi tugu atau binaan yang teguh. Penggunaan leksikal “sebagai” dalam frasa ini menunjukkan bahawa bahasa figuratif ini berunsurkan simile. Leksikal “sebagai” juga membawa makna menjadi, seperti dan selaku yang digunakan dalam bahasa figuratif untuk menggambarkan unsur simile. Mengikut konteks ujaran sebelum dan selepasnya iaitu “dia nampak” dan “lelaki berusia 60-an biasanya sudah luntur” dapat membantu dalam mengenali konteks yang betul untuk bahasa figuratif ini. Andaian pertama yang diberikan adalah masih kuat, stabil dan tidak mudah goyah walaupun sudah berusia dan andaian keenam iaitu tidak seperti usianya yang lanjut. Mengikut andaian yang dilakukan serta konteks berdasarkan ayat sebelum dan selepasnya, andaian pertama menunjukkan makna yang tepat bagi data tersebut.

Kesan konteks pula dapat dikesan apabila proses penggabungan dan penguatan maklumat daripada pemahaman terhadap makna siratan figuratif. Usaha memproses adalah rendah disebabkan maklumat dan andaian yang dibekalkan memudahkan proses interpretasi makna sebenar. Unsur simile ini menggambarkan seorang individu yang sudah lanjut usia tetapi tetap menjaga kesihatan dengan baik dan hidup dalam ketenangan, sambil menunjukkan keteguhan dan kekuatan yang menyerupai sebuah tugu.

4.2.4 *Hiperbola*

JADUAL 13: Makna Linguistik Data Unsur Hiperbola

Bil	Unsur Hiperbola	Makna Linguistik
-----	-----------------	------------------

1.	Tenggelam dalam khayalan tertentu	tenggelam - masuk terbenam ke dalam air; dalam - jarak ke bawah atau ke dasar; khayalan - rekaan, ciptaan dalam fikiran; tertentu - untuk menyatakan sesuatu yang tidak disebutkan namanya, sudah ditentukan
----	-----------------------------------	--

Merujuk jadual yang ditunjukkan, unsur hiperbola diberikan makna linguistik atau dikenali sebagai makna harfiah. Berdasarkan pandangan di atas, makna linguistik mudah untuk difahami secara harfiah tetapi penggunaan bahasa figuratif mempunyai makna tersirat. Hal ini menyebabkan makna linguistik sahaja tidak dapat memberikan makna yang sebenar bahasa figuratif yang ingin disampaikan. Makna siratan bahasa figuratif tidak dapat diinterpretasikan dengan betul sekiranya hanya mentafsirkan kepada makna linguistik.

Menurut Hasmidar (2006), makna linguistik diberikan berdasarkan susunan dan hubungan kata dengan kata mengikut konteks ayat tersebut. Makna ini tidak dapat memberikan penjelasan tentang makna siratan bahasa figuratif yang sebenar. Oleh itu, teori Relevans diperlukan untuk menganalisis makna sebenar bahasa figuratif yang digunakan dalam cerpen pilihan.

JADUAL 14: Analisis Teori Relevans bagi Data “tenggelam dalam khayalan tertentu”

DATA (6): tenggelam dalam khayalan tertentu		
KOD	INFERENS	ANDAIAN
tenggelam	masuk ke dalam	<ol style="list-style-type: none">1. lemas dalam khayalan2. terlalu leka dengan angan-angan3. terpisah daripada kesedaran4. berada dalam imaginasi sendiri5. fikiran dibawa oleh khayalan6. bermain dengan fikiran]7. tidak sedar dengan dunia nyata8. terperangkap dalam fikiran

Jadual 14, data (6) “tenggelam dalam khayalan tertentu” membawa makna harfiahnya termasuk dalam dunia yang tidak nyata. Frasa ini menggunakan kata yang berlebih-lebihan daripada makna literal menunjukkan bahawa bahasa figuratif ini berunsur hiperbola. Penggunaan hiperbola dalam karya sastera bertujuan untuk memberikan interpretasi yang lebih mendalam dan makna siratannya membolehkan pembaca merasakan emosi serta memahami dengan berkesan. Andaian keempat yang diberikan adalah berada dalam imaginasi sendiri dan andaian kelapan iaitu terperangkap dalam fikiran. Mengikut andaian yang dilakukan serta konteks berdasarkan penceritaan andaian kelapan menunjukkan makna sebenar bagi data tersebut.

Proses penggabungan dan penguatan maklumat daripada pemahaman terhadap makna siratan figuratif dapat mengenal pasti kesan konteks. Usaha memproses adalah rendah disebabkan maklumat dan andaian yang dibekalkan memudahkan proses interpretasi makna siratan kepada makna sebenar. Bahasa figuratif hiperbola ini menggambarkan seseorang yang sepenuhnya terbenam atau terperangkap dalam fikiran atau imaginasi spesifik yang tidak nyata.

5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, bahasa figuratif sangat berkait rapat dengan penulisan karya kreatif. Karya kreatif yang dihasilkan tidak dapat dipisahkan daripada penggunaan gaya bahasa yang pelbagai. Penggunaan gaya bahasa terutamanya bahasa figuratif yang sesuai berdasarkan konteks dalam karya kreatif memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu untuk mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dan menganalisis makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen karya A. Samad Said (2005) menggunakan teori Relevans. Dapatkan kajian menunjukkan objektif kajian yang telah ditetapkan dapat dicapai. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat bahasa figuratif yang digunakan dalam cerpen karya A. Samad Said. Antara jenis bahasa figuratif yang digunakan ialah personifikasi, metafora, simile dan hiperbola. Oleh itu, penguasaan bahasa figuratif yang baik dalam sesuatu penulisan akan memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca untuk memahami makna tersirat yang sebenar.

Rujukan

- A. Samad Said. (2005). *Tasik Syahdu & Cerpen-Cerpen Lain*. PTS Publications.
- Dewan bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elavarassan M.Suppiah & Nordiana Hamzah. (2021). Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesusastraan Melayu dalam Teks Cerpen Moden Kesusastraan Melayu Komunikatif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(2), 45-55.
- Hashim Ismail. (2022). Al-Ihsan dalam Kumpulan Cerpen Yunda. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 26–34.
- Julaina Nopiah & Nur Maizatul Maisarah Nasrong. (2020). Makna Ujaran Implisit dalam Vlog Mat Luthfi: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 203–230.
- Khalidi, S. N. M., & Yaakob, N. A. (2018). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif: Figurative Language as a Reflection of Emotive Elements. *Journal of Management and Muamalah*, 8(1), 1-16.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang melalui Metafora: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 49-78.

- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori Relevans (TR) dalam Personifikasi.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159-188.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2023). Kaedah Adaptasi Sastera pada Filem: Satu Kajian Perbandingan antara Cerpen Amerika ‘Barn Burning’ dengan Filem Melayu “Kaki Bakar”. *Malaysian Journal of Communication*, 39(3), 101-123.
- Monica Liaw Kah Pei & Mary Fatimah Subet. (2018). Semangat Patriotik Masyarakat Cina: Analisis Teori Relevans. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 1-9.
- Muhammad Diki Lesmana, Imam Safi'i & Nini Ibrahim. (2023). Eksplorasi Bentuk-bentuk Bahasa Figuratif dalam Dimensi Estetika pada Kumpulan Puisi Penyair Midas Karya Nanang Suryadi. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 6(1), 1-12.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaran Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 147-159.
- Nurul Atiqah Md Yusof & Siti Noraini Hamzah. (2023). Ujaran Implisit dalam Filem Puteri Gunung Ledang (2004); Analisis Teori Relevans. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(5), 1-23.
- Nuur Hikma Natasha binti Lamsah, Anida binti Sarudin, Mohd Sufian bin Ismail. (2023). Analisis Gaya Bahasa Figuratif dalam Novel Bimasakti Menari Teks Komponen Kesuasteraaan Bahasa Melayu Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 22-27.
- Siti Norashikin binti Mohd Khalidi. (2019). Bahasa figuratif dalam Novel Anwar Ridhwan.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid & Nor Azuan Yaakob. (2016). Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog. *Internasional Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 17-29.
- Sperber, D. & Wilson. (1986). *Relevance Theory: Communication & Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Subet, M. F. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 113-142.